

20/09/1998

Gimnas negara tambah emas

KUALA LUMPUR: Rangkaian gimnas negara, Thye Chee Kiat, Carolyn Au Yong, El Regina Tajuddin dan Sarina Sundarajah, memenangi pingat emas keenam negara dalam acara berpasukan gimrama di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Mereka mengumpul 93.023 mata untuk mengatasi dua pasukan pilihan, Kanada yang hanya memenangi perak dengan 92.962 mata dan Australia untuk gangsa dengan 92.937 mata.

Turut sama meraikan kejayaan mereka ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin serta chef-de-mission, Datuk Khalid Yunus.

Perdana Menteri dan isteri turut mengalungkan pingat emas kepada gimnas negara.

Bagaimanapun, kejayaan itu adalah mengejutkan kerana mereka bukan saja tidak diberi harapan untuk meraih emas, malah ia adalah kejayaan sulung dalam sejarah Sukan Komanwel.

Lebih manis, kejayaan itu membuktikan pemilihan mereka adalah bertepatan, sekali gus menepis segala kontroversi yang berlaku sebelum ini.

"Kejayaan ini adalah untuk negara. Kami berkerja keras untuk meraihnya dan akhirnya berjaya," kata Carolyn.

Hari ini, mereka akan meneruskan perjuangan dan cuba menambah emas lagi apabila bertanding dalam acara individu keseluruhan serta apparatus sehari selepas itu.

Sementara itu, skuad hoki lelaki negara turut membuat kejutan dengan menyingkirkan India 1-0 dalam masa tambahan separuh akhir semalam untuk sekurang-kurangnya menjamin pingat perak.

Mereka akan berdepan dengan Australia dalam perebutan pingat emas di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, hari ini.

(END)